# BENEFICIAL OWNERSHIP Cheat Sheet

by Atin via cheatography.com/123669/cs/23389/

## PEMILIKAN MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

Definisi Pemilikan (Milkiyyah) - Dari perkataan arab, milk(ملك) atau milkiyyah(ملكية) , dari kata akar [mim, lam, kaf] iaitu kekuatan, kesihatan, pada sesuatu [quwwah fi al - shay' wa sihhah], Lisan al - arab (malk,mulk, milk), keadaan menguasai sesuatu atau keupayaan melupuskan sesuatu yang diingati

**Mazhab Hanafi** قدرة يثبتها الشارع ابتداء على التصرف [ Kemampuan asal yang ditetapkan oleh syara' bagi mengendalikan sesuatu harta melainkan jika terdapat halangan ]

**Mazhab Maliki** حكمشر عي مقدر في العين او المنفعة يقتضي تمكن من يضاف اليه من انتفاعه بالمملوك والعوض عنه من حيث هو كذلك [ Hukum syara' ditetapkan terhadap fizikal harta ataupun manfaat yang membolehkan seseorang untuk mengambil faedah daripada harta yang dimiliki dan menerima pampasan daripadanya ]

**Mazhab Syafi'e** حكم شرعي يقدر في عين او منفعة يقتضي تمكن من ينسب اليه من انتفاعه والعوض عنه من حيث هو كذلك[ Hukum syara' yang ditetapkan terhadap fizikal harta atau manfaat yang diberikan kepada seseorang supaya beliau dapat mengambil faedah dan menerima pampasan daripadanya ]

**Mazhab Hanbali** القدره الشرعية على التصرف في القبة [ Keupayaan yang sah untuk mengendalikan sesuatu harta ]

## PEMBAHAGIAN PEMILIKAN

**Pemilikan Penuh** [*milk tam*]

Memiliki fizikal dan manfaat harta secara bersama (kaedah jual beli, hibbah, wasiat) **Ibnu Rajab** - pemilikan terjadi disebabkan beberapa kaedah transaksi tertentu

**Pemilikan Separa Penuh** [milk naqis]

**a)** Pemilikan terhadap manfaat harta tanpa memiliki manfaatnya - *Milk Ayn Bi La Manfaah* [wasiat]

**b)** Pemilikan terhadap manfaat harta tanpa memiliki fizikalnya

**c)** Memiliki harta untuk mengambil manfaat daripada harta tetapi tidak memiliki manfaatnya- *Milk Intifa'* [jalan raya, parking, jambatan]

## PEMILIKAN BERMANFAAT DALAM KEWANGAN ISLAM

**Pembiayaan perumahan Bay ' Bithaman Ajil [BBA]** 1)Bay' Musawamah [jual beli tanpa merujuk harga asal ] 2) Bay Murabahah [jual beli dengan menyatakan harga asal dan keuntungan ] Bay I'nah (memohon pembiayaan baki rumah)

**1.** Pelanggan membayar deposit 10% kepada pemaju dan menerima pemilikan bermanfaat. **3.** Bank selaku pemilik aset, menjual semula secara tangguh.

**2.**Pelanggan dan bank menandatangani Property Purchase Agreement dan Property Sale Agreement. Melalui pemilikan bermanfaat yang dimiliki, pelanggan menjual aset secara tunai kepada bank bagi mendapatkan pembiayaan BBA iaitu baki 90% harga aset.

**3.** Bank selaku pemilik aset, menjual semula secara tangguh.

## PEMILIKAN BERMANFAAT DALAM KEWANGAN ISLAM

**Pembiayaan perumahan Al Ijarah Al Muntahiyat Bi Al - Tamlik [IMBT]**

**1)** Pelanggan kenal pasti aset

**2)** Pelanggan memohon pembiayaan IMBT dan bayar deposit ke bank , bank membayar harga penuh.

**3)** Bank selaku pemilik bermanfaat menyewakan aset kepada pelanggan dengan bayaran dan tempoh yang dipersetujui dan menyerahkan pemilikan pada akhir tempoh sewaan.

## PEMILIKAN BERMANFAAT DALAM KEWANGAN ISLAM

## PEMILIKAN BERMANFAAT UNDANG-UNDANG INGGERIS

**Sir Arthur Underhill**- Amanah adalah tanggungjawab ekuiti yang mengikat pemegang amanah untuk kendalikan harta untuk manfaat benefisiari

**Hudson- Elemen amanah** terbahagi 4 : a) mengikut kaedah ekuiti b) beri hak harta pada benefisiari c) kenakan tanggungjawab kepada pemegang amanah d) tanggungjawab adalah amanah

**Prinsip Ekuiti dalam Undang-undang di Malaysia** - Sistem Torrens (sistem pendaftaran hak milik)

**Konsep Prinsip Ekuiti a)** Keadilan **b)** Kesaksamaan **c)** Kebenaran

| | |
|---|---|
| **Konsep Amanah** | **1)** Pemilik undang - undang ( *legal owner* ) **2)** Pemilik bermanfaat ( *beneficial owner* ) |

## KONSEP PEMILIKAN BERMANFAAT MENURUT SYARIAH

**(a)** Perlunya proses ijab dan qabul ketika pelanggan menandatangani perjanjian jual beli bersama pemaju dengan bayaran deposit

**(b)** Perpindahan pemilikan telah berlaku walaupun nama aset tidak didaftarkan ke atas pelanggan

**(c)** Hak milik undang-undang aset ada pada pemaju tetapi pemilikan akan didaftarkan sebaik sahaja bayaran dilangsaikan

**(d)** Pendokumentasian dapat memudahkan pihak yang terlibat sebagai rujukan.

**(e)** Pelanggan berhak menjual aset kepada bank untuk mendapatkan pembiayaan

**(f) Shirkah**(perkongsian) - bank juga pemilik kepada aset bersama pelanggan

| | |
|---|---|
| **(g) Nik Abdul Rahim(2015)** - Konsep pelaksanaan *takyif fiqhi* | **(i)** konsep rahn **(ii)** konsep khiyar naqd **(iii)** konsep ba'i al - wafa' **(iv)** konsep shurut taqyidiyyah |

**Firman Allah** : Maksudnya: *Wahai orang--orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu* (al-Baqarah: 282).

**Pembiayaan perumahan Musharakah Mutanaqisah [MM]** Sebab kegunaan kaedah : 1]persepsi pelanggan sebagai penama berdaftar 2] bank tidak mahu menanggung liabiliti

**1.** Pelanggan mengenal pasti aset, tandatangani Perjanjian Jual Beli (S&P), bayar deposit 10% dan memohon pembiayaan bank.

**2.** Bank dan pelanggan memasuki aturan Musharakah Mutanaqisah.

**3.** Pelanggan menyewa aset daripada bank.

**4.** Pelanggan membeli bahagian bank dengan membayar amaun tambahan.

**5.** Perkongsian berakhir dan pelanggan memiliki 100% pemilikan aset



Sponsored by **ApolloPad.com**
Everyone has a novel in them. Finish Yours!
https://apollopad.com